

**Mempersiapkan Diri Kita untuk Kedatangan Tuan
dengan Mempunyai Kehidupan yang Dipugarkan
dan Jerih Lelah Menggembala**

Bacaan Bible: 2 Kor. 4:16-18; Yoh. 21:15-17

- I. Untuk mempersiapkan diri kita demi kedatangan Tuan, kita perlu mengekalkan kemenangan kita dengan mempunyai kehidupan yang dipugarkan, iaitu kehidupan yang diperbarui hari demi hari (2 Kor. 4:16-18); pembaruan ini haruslah segar setiap pagi (Mat. 13:43; Luk. 1:78-79; Ams. 4:18; Hak. 5:31):**
- A. Kita harus menikmati Tuan awal pagi agar mempunyai permulaan yang baru setiap hari—Mzm. 119:147-148.
 - B. Setiap pagi kita harus membenarkan Tuan Yesus, yakni Suria kita, terbit dalam kita supaya kita dapat diperbarui—Luk. 1:78-79; Mal. 4:2; Hak. 5:31:
 - 1. Kita harus bangun awal pagi untuk bersekutu dengan Tuan, dan kita boleh berdoa, “Tuan, syukur kepada-Mu untuk permulaan yang baru; semoga hari ini menjadi hari yang tidak dapat dilupakan dalam hidupku”; inilah yang kita gelar sebagai dipugarkan setiap pagi.
 - 2. Setiap pagi kita harus mempersembahkan Kristus sebagai korban bakaran dan korban perdamaian kita, berdasarkan Dia menjadi korban penebus dosa kita, supaya kita dapat mempunyai permulaan yang baru; bukan sahaja kita harus berbuat demikian setiap hari, malah kita juga harus melakukannya dengan penuh manis dan secara mendalam—Im. 6:12-13.
 - 3. Mengambil Kristus sebagai korban bakaran kita setiap pagi bererti mengambil Kristus sebagai Dia yang menjalani kehidupan yang secara mutlaknya untuk kepuasan Tuhan dan sebagai hayat yang membolehkan kita mempunyai kehidupan sedemikian—1:9; 6:12-13; Yoh. 5:19, 30; 6:38; 7:18; 8:29.
 - C. Untuk mempunyai kehidupan yang dipugarkan, kita harus menjadi orang yang mengasihi Tuan hingga kemuncak dan hidup terhadap-Nya dengan mempunyai matlamat harian untuk menikmati dan beroleh Kristus dengan sepenuhnya—1 Kor. 2:9; 2 Kor. 5:14-15; Flp. 3:14.
 - D. Kita harus menjadi orang yang menjalani kehidupan mazbah dan khemah—Kej. 12:7-8; 13:3-4, 18:
 - 1. Penampakan diri Tuhan menghasilkan persembahan diri kita, membolehkan kita membina mazbah; mazbah adalah untuk menyembah Tuhan dengan mempersembahkan kepada Tuhan segala apanya kita dan segala yang kita miliki untuk tujuan-Nya; membina mazbah bermaksud hidup kita adalah untuk Tuhan, Tuhan ialah hayat kita, dan makna hidup kita ialah Tuhan—8:20-21a; Kel. 29:18-22.
 - 2. Menjalani kehidupan khemah ialah pengisytiharan kita bahawa kita ialah pendatang asing dan perantau di bumi yang mencari tanah air yang lebih baik dan menanti-nantikan sebuah kota yang dibina Tuhan, iaitu Yerusalem Baru—Ibr. 11:9-10, 13, 16.
 - E. Mempunyai pemugaran yang baru setiap hari bererti mempunyai transformasi yang segar setiap hari; jika kita kekal berada dalam transformasi ini sepanjang hayat kita, kita akan bertumbuh dalam hayat Tuan sehingga matang—Roma 12:2; 2 Kor. 3:18; Ibr. 6:1a.
 - F. Kita diperbarui hari demi hari menerusi empat butir: salib (2 Kor. 4:10-12, 16-18); Roh Kudus yang melalui-Nya kita dibaiki semula, dibuat semula, dan dibentuk semula dengan hayat divin (Tit. 3:5); roh pembauran kita (Ef. 4:23); dan sabda kudus Tuhan (5:26).
 - G. Kita perlu datang ke meja Tuan dalam kebaruan (Mat. 26:29); Tuan pasti tidak

akan menerima meja yang lama; kita perlu diperbarui dengan belajar berkata, “Aku minta maaf; ampunilah aku.”

- H. Semasa kita dalam penderitaan, kita perlu menerima belas kasihan yang baru daripada Tuan setiap pagi supaya kita dapat mengalami pembaruan-Nya; jika tidak, kita akan kekal sama, dan penderitaan yang kita lalui akan menjadi sia-sia—Rat. 3:22-24; 2 Kor. 4:16-18.

II. Untuk mempersiapkan diri kita demi kedatangan Tuan, kita perlu mengekalkan kemenangan kita dengan berbahagian dalam ministri Kristus di syurga dengan memberi makan kepada anak-anak domba-Nya dan menggembala domba-domba-Nya bagi menjaga kawanan Tuhan, iaitu gereja yang menghasilkan Tubuh Kristus—Yoh. 21:15-17; 1 Ptr. 2:25; 5:1-4; Ibr. 13:20-21:

- A. Kita perlu menggembala orang menurut teladan Tuan Yesus dalam ministri-Nya untuk melaksanakan ekonomi abadi Tuhan—Mat. 9:36; Yoh. 10:11; Ibr. 13:20; 1 Ptr. 5:4:
1. Sebabnya kita tidak berbuah ialah kita tidak mempunyai hati Bapa yang penuh kasih dan pengampunan serta tidak mempunyai roh Penyelamat yang menggembala dan mencari—Luk. 15:1-24.
 2. Kita perlu membelai orang (membuat mereka gembira dan membuat mereka senang hati dan selesa) dalam keinsanan Yesus (Mat. 9:10; Luk. 7:34); kita perlu mengkhasiati orang (memberi mereka makan Kristus almuhit dalam ministri penuh-Nya yang mempunyai tiga tahap) dalam kedivinan Kristus (Mat. 24:45-47).
 3. Kristus harus merentasi Samaria, sengaja melencong ke Sikhar untuk memperoleh seorang perempuan yang tidak bermoral, membelainya dengan meminta dia memberi-Nya sesuatu untuk diminum agar Dia dapat mengkhasiatinya dengan Tuhan Tritunggal yang mengalir sebagai sungai air hayat—Yoh. 4:3-14.
 4. Sebagai Seorang yang tanpa dosa, Dia tidak mengutuk perempuan yang berzina, tetapi membelai dia untuk mengampunkan dosa-dosanya secara judicial dan untuk membebaskan dia daripada dosa-dosanya secara organik (8:1-11, 32, 36); memang amat bermakna juga bahawa orang pertama yang diselamatkan oleh Kristus menerusi penyaliban-Nya ialah seorang perompak yang dijatuhkan hukuman mati (Luk. 23:42-43).
 5. Tuan pergi ke Yerikho semata-mata untuk melawat dan memperoleh satu orang, iaitu ketua pemungut cukai, dan pemberitaan-Nya ialah penggembalaan (19:1-10); Dia juga membelai ibu bapa dengan meletakkan tangan-Nya pada anak-anak mereka (Mat. 19:13-15).
 6. Dalam hal Dia menjaga gereja yang merupakan kaki pelita emas, Tuan yang naik ke syurga ialah “Kristus yang berjalan” dan “Roh yang berbicara”; melalui Dia berjalan di tengah-tengah gereja, Dia mengetahui keadaan setiap gereja; kemudian menurut hal-hal yang dilihat-Nya, Dia berbicara kepada kita supaya semua pekudus dalam gereja dapat ditransform secara metabolik dan organik dengan tujuan menjadikan mereka pejayeng-Nya—Wahi 1:12-13; 2:1, 7.
- B. Kita perlu menggembala orang menurut teladan dutus Paulus yang menggembala pekudus bagaikan ibu yang menyusui dan bapa yang menasihati untuk menjaga kawanan Tuhan—1 Tes. 2:7-8, 11-12; 1 Tim. 1:16; Kis. 20:28:
1. Paulus menggembala pekudus di Efesus dengan mengajar mereka “di hadapan banyak orang serta dari rumah ke rumah” (ay. 20) dan menegur setiap satu pekudus dengan air mata selama tiga tahun (ay. 31, 19), menyatakan segala rencana Tuhan kepada mereka (ay. 27).
 2. Paulus mempunyai keprihatinan yang intim terhadap para percayawan (2 Kor. 7:2-7; Flm. 7, 12), dan dia merendah diri untuk turun ke paras orang yang

lemah supaya dia dapat memperoleh mereka (2 Kor. 11:28-29; 1 Kor. 9:22; bd. Mat. 12:20).

3. Paulus rela menghabiskan apa yang dimilikinya, merujuk kepada harta miliknya, dan menghabiskan apanya dia, merujuk kepada dirinya, demi para pekudus (2 Kor. 12:15); dia ialah korban curahan, bersatu dengan Kristus yang merupakan penghasil wain, mengorbankan dirinya agar orang lain dapat menikmati Kristus (Flp. 2:17; Hak. 9:13; Ef. 3:2).
4. Paulus bergerak-hidup melalui Roh untuk menghormati Tuhan supaya dia dapat memministerkan Roh itu untuk menghormati orang—2 Kor. 3:3, 6, 8; Gal. 5:16, 25; Hak. 9:9.
5. Dalam ajarannya, Paulus menunjukkan bahawa gereja ialah rumah untuk membesarkan orang, hospital untuk menyembuhkan dan memulihkan mereka, dan sekolah untuk mengajar dan mendidik-bina mereka—Ef. 2:19; 1 Tes. 5:14; 1 Kor. 14:31.
6. Paulus mewahikan bahawa kasih ialah jalan yang terunggul untuk kita menjadi apa-apa dan melakukan segala hal demi pembinaan Tubuh Kristus; kasih itu serba boleh—8:1; 12:31; 13:4-8a; Ef. 1:4; 3:17; 4:2, 15-16; 5:2; 6:24; Wahi 2:4-5; Kol. 1:18b; 1 Tes. 1:3.